

01/11/2000

Tiada pekerja asing burukkan Malaysia

KERAJAAN tidak menerima sebarang maklumat berhubung pembabitan pekerja asing dan penduduk tetap berasal dari luar negara, dalam usaha memburukkan Malaysia.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Chor Chee Heung berkata, setakat ini belum ada sebarang bukti kukuh yang boleh mengaitkan mana-mana pekerja asing dalam aktiviti sedemikian.

"Sehingga kini, terdapat 240,000 warga asing yang diberi taraf penduduk tetap. Mengikut undang-undang, jika mereka terlibat dengan kegiatan yang salah, taraf kependudukan itu boleh ditarik balik dan mereka boleh dihantar pulang," katanya menjawab soalan tambahan Datuk Ruhanie Ahmad (BN-Parit Sulong).

Beliau berkata, tahun lalu kerajaan menghantar pulang seorang warga Indonesia yang menuntut di Universiti Islam Antarabangsa (UIA) kerana terbabit dalam beberapa demonstrasi.

"Namun, ini adalah satu-satu kes yang membabitkan warga asing terlibat dalam aktiviti sebegini," katanya.

Ketika mengulas lanjut di lobi Parlimen, Chor berkata, terdapat 400,000 pendatang asing masuk secara haram ke negara ini.

Bermula dari Januari hingga 31 September 2000, katanya, 84,176 pendatang asing sudah ditangkap kerana tidak memiliki dokumen perjalanan yang sah.

Daripada jumlah itu, katanya, 66,632 adalah warga Indonesia dan 76,171 pendatang asing yang sudah dihantar pulang ke negara masing-masing.

Melalui program baru yang dijalankan kerajaan, Chor berkata, pihak berkuasa hanya perlu mencari, menangkap dan menempatkan pendatang asing yang masuk secara haram di kem transit sebelum dihantar pulang.

"Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga mengadakan perbincangan dengan Presiden Indonesia, Abdul Rahman Wahid baru-baru ini berkaitan proses penghantaran pulang warga Indonesia yang masuk secara haram ke negara ini," katanya.

Mengenai kempen membanteras penggunaan pil Estacy, Chor yang juga Pengerusi Jawatankuasa Gejala Sosial MCA berkata, 9,507 saringan air kencing dijalankan terhadap mereka yang disyaki menyalahgunakan pil khayal jenis dadah Amphetamine-Tyts Stimulant (ATS).

(END)